

## **KATA ADJEKTIF DALAM UJARAN MASYARAKAT BANJAR**

**Nur Hafizah Razali<sup>1</sup>, Normaliza Abd Rahim<sup>1</sup>**

### **Abstrak**

Kajian ini memberi fokus kepada makna kata adjektif dalam bahasa Banjar. Kata adjektif yang dipilih dianalisis dari sudut makna dengan mengaplikasikan teori Analisis Komponen Makna oleh Nida, (1975). Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan membincangkan makna kata adjektif dalam ujaran masyarakat Banjar. Kata adjektif sifatan atau keadaan telah dipilih bagi kajian ini. Ujaran Banjar yang mengandungi penggunaan kata adjektif ini telah dirakam untuk dianalisis. Istilah dan makna dalam sesuatu bahasa adalah berbeza walaupun tergolong dalam rumpun yang sama. Bahasa Banjar tergolong dalam rumpun bahasa Melayu namun, tetap wujud penggunaan istilah yang berbeza. Oleh itu, kajian ini memilih kata adjektif bahasa Banjar sebagai data untuk dibincangkan dari sudut makna.

**Kata Kunci:** *Kata adjektif, Bahasa Banjar, Bahasa Melayu, ujaran, semantik*

---

<sup>1</sup> Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia, Tel : +6013-2837409, E-mel : nurhafizahbtrazali@gmail.com

## THE ADJECTIVES OF SPEECH IN BANJAR SOCIETY

### Abstract

This study focused on the meaning of the adjectives in Banjar. Adjectives were analyzed from the point of meaning by applying the Theory of Meaning Component Analysis (Nida, 1975). The objective of this study were to identify and discuss the meaning of the adjectives in the speech of Banjar's utterance. Adjective's situation have been selected for this study. Banjar's utterance that contains adjective were recorded for analysis. The term and meaning in the language is different even it belongs in the same family of languages. Banjar language were belongs to the Malay language but still using the different terminology. Therefore, this study identified the meaning of adjectives in Banjars.

**Keywords:** Adjectives words, Banjars, Malays, Utterances, semantics

### PENDAHULUAN

Kajian mengenai makna sentiasa berpandukan kepada semantik. Bidang semantik merupakan bidang linguistik yang khusus mengkaji segala perihal berkaitan makna sesuatu kata. Dari aspek semantik, bahasa difahami melalui komponen makna yang ada dalam kata. Menurut George (1964), bahasa amat kabur, dan bagi mengelakkan kekaburan dalam sesuatu bahasa itu, aspek kejelasan dan ketepatan haruslah diutamakan. Oleh itu, aspek makna perlulah dititikberatkan kerana tanpa unsur makna, sesuatu ujaran atau tulisan itu tidak akan bererti dan proses komunikasi tidak akan berjalan dengan lancar. Seterusnya, menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2001:398-422), penerapan ilmu semantik dapat membantu menyelesaikan masalah definisi makna. Selain itu, melihat pada makna kata, Wittgenstein (1953), menegaskan bahawa makna kata tidak dapat diketahui kecuali dilihat dalam penggunaannya atau dalam konteks penggunaannya.

Kata adjektif, yang juga dikenali sebagai kata sifat merujuk kepada kata sifat yang menjadi unsur inti dalam binaan frasa adjektif. Frasa adjektif boleh terdiri daripada hanya satu kata adjektif atau beberapa perkataan yang mengandungi kata adjektif dan unsur-unsur keterangan yang lain seperti kata bantu atau kata penguat. Kata adjektif dapat dikenal pasti dan dibezakan daripada kata nama atau kata kerja dengan cirinya yang didahului atau diikuti oleh kata penguat. Contohnya: amat *sakit*, *sakit* sungguh, dan *banyak* sekali (Nik Safiah Karim, Farid M.Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood, 2011: 225). Menurut Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2011), jenis kata adjektif terbahagi kepada sembilan iaitu kata adjektif sifat atau keadaan, kata adjektif warna, kata adjektif ukuran, kata adjektif bentuk, kata adjektif waktu, kata adjektif jarak, kata adjektif cara, kata adjektif perasaan dan kata adjektif pancaindera. Kajian tentang kata adjektif juga telah dilakukan oleh Normaliza Abd Rahim (2013) di mana keputusan kajian

menunjukkan pelajar dapat memahami tentang penggunaan kata adjektif dalam ayat mudah. Selain itu, pelajar juga dapat membezakan penggunaan kata adjektif dengan kata-kata yang lain. Oleh itu, kajian akan melihat makna sesuatu kata adjektif itu dalam penggunaannya.

## **SOROTAN KAJIAN**

Kajian terhadap bahasa Banjar turut dilakukan oleh Maslida Yusof, Rahim Aman, Karim Harun, Shahidi Hamid, & Sa'adiah Ma'alip (2010) dari aspek kata kerja yang dilihat berdasarkan perkaitan semantik. Kajian ini dinatkan kepada bahasa Banjar Kuala yang merupakan kajian lapangan di Banjarmasin Indonesia. Teori yang digunakan adalah teori analisi komponen makna yang mempunyai fitur distingtif untuk menandakan perbezaan setiap makna perlakuan bagi kata kerja dalam bahasa Banjar Kuala tersebut. Item-item dalam satu medan makna akan dianalisis menggunakan fitur (+) dan (-) bagi memperlihatkan ciri yang berkontras dan juga bersamaan. Fokus kajian ini adalah dari aspek makna leksikal kata kerja dengan melihat penggolongan benda berdasarkan kata-kata yang digunakan untuk mendenotasinya adalah berbeza antara satu bahasa dengan bahasa yang lain, bahkan antara satu dialek dengan dialek yang lain (Maslida Yusof, Rahim Aman, Karim Harun, Shahidi Hamid & Sa'adiah Ma'alip, 2010).

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Maslida Yusof, Rahim Aman, Karim Harun, Shahidi Hamid, & Sa'adiah Ma'alip (2010), telah memberi ruang untuk kajian mengenai ujaran dalam masyarakat Banjar dilakukan. Hal ini kerana terdapat sebahagian kosa kata yang terdapat dalam bahasa Banjar mengenai makna yang sama atau hampir sama tetapi berbeza dari segi konsep penggunaannya. Bagi melihat makna yang lebih jelas, sesuatu makna perkataan itu perlu dikaji dari sudut pragmatik yang merujuk kepada ujaran yang dihasilkan oleh masyarakat Banjar itu sendiri. Hal ini turut dinyatakan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (1992), iaitu pengkajian makna seharusnya melibatkan ilmu pragmatik, iaitu ilmu penginterpretasian makna yang melibatkan faktor linguistik dan bukan linguistik yang dapat membantu pengkajian makna dengan lebih berkesan. Selain itu, Normaliza Abd Rahim (2014) juga menyatakan bahawa huraian tentang sesuatu bahasa itu dapat difahami dengan lebih jelas dengan adanya analisis secara implisit dan eksplisit.

Kajian mengenai analisis komponen makna kata kerja dalam slogan iklan produk kecantikan muka telah dijalankan oleh Indirawati Zahid & Fatmawati Zahid (2011). Kajian ini telah mengaplikasikan teori analisis komponen makna yang dipelopori oleh Nida, (1975) yang menggunakan fitur makna binari [+ ] dan [-]. Kajian ini melihat persamaan dan perbezaan antara kata kerja yang dianalisis. Data bagi kajian yang dilaksanakan oleh Indirawati Zahid & Fatmawati Zahid ini adalah 45 slogan iklan kecantikan muka yang diperoleh daripada Majalah *Mingguan Wanita* terbitan awal Januari 2006 hingga lewat Disember 2006. Daripada 45 slogan tersebut, terdapat 66 kata kerja yang dianalisis. Kajian ini

dijalankan berpandukan kepada tiga objektif iaitu yang pertama adalah untuk mengenal pasti kecenderungan penggunaan kata kerja dalam produk kecantikan muka, objektif kedua, memperlihatkan ketepatan pemilihan kata kerja yang digunakan dalam produk kecantikan muka dan objektif yang ketiga adalah untuk memaparkan penggunaan kata kerja yang bersifat spesifik dan umum yang digunakan. Hasil kajian mendapati dua jenis kata kerja yang digunakan dalam slogan ini dan seterusnya dilabelkan sebagai kata kerja yang bersifat spesifik fungsinya dan kata kerja yang bersifat umum. Kata kerja yang bersifat spesifik fungsinya dirujuk sebagai kata kerja yang berkolokasi dalam lingkungannya manakala yang bersifat umum sebagai sebaliknya. Analisis kajian ini menunjukkan bahawa hanya terdapat lima kata kerja, iaitu 7.6 peratus yang bersifat spesifik manakala 61 kata kerja iaitu 92.4 peratus adalah bersifat umum digunakan dalam slogan kecantikan muka. Menurut Indirawati Zahid & Fatmawati Zahid (2011), ketepatan pemilihan kata kerja dalam slogan penting bagi menyampaikan mesejnya.

Kajian makna seterusnya dikaji oleh Nor Hashimah Jalaluddin, Anida Sarudin & Zaharani Ahmad (2012) yang berkaitan dengan peluasan makna alim yang dianalisis dari aspek semantik kognitif. Faktor daripada fenomena pertambahan kosa kata Arab yang memperkaya perbendaharaan kosa kata Melayu telah membuatkan kajian berkaitan entri kata 'alim' ini dianalisis. Pemilihan entri ini adalah daripada kamus Dewan Edisi Ke-4 (2007) yang dipilih berdasarkan entri bahasa Arab yang berpolisemi dengan tujuan untuk melihat sejauh manakah berlaku peluasan makna berpandukan data korpus. Sebanyak 470 data konkordans 'alim' di dalam korpus 5 juta UKM-DBP serta pangkalan data DBP telah dianalisis. Hasil analisis kajian yang dilakukan oleh Nor Hashimah Jalaluddin, Anida Sarudin & Zaharani Ahmad (2012) ini mendapati makna 'alim' telah meluas kepada makna-makna lain dan berbeza daripada dapatan kamus (Kamus Dewan Edisi Ke-4, 2007). Namun, setiap peluasan ini adalah bermotivasi dan bukan wewenang. Oleh itu, dengan berpandukan kepada teori semantik kognitif dengan memanfaatkan teori prototaip, kategori jaringan radial, skema imej, metafora konsepsi dan metonimi, setiap motivasi peluasan makna dapat dijelaskan secara berpada.

Berikutnya, Jehan Rizki Rakhmadani (2013) telah menjalankan kajian tentang analisis makna ujaran sebuah wacana pada dialog teks dalam naskah drama "*The Importance of Being Earnest*". Menurut Jehan Rizki Rakhmadani (2013), pemahaman yang mendalam mengenai makna sesuatu ujaran dalam sebuah wacana adalah sangat penting dan perlu diberi perhatian yang khusus. Kemampuan memahami makna ujaran amat penting dalam mentafsir dan memahami maksud tindak tutur yang sedang berlaku antara penutur mitra tutur dalam sebuah wacana yang berbentuk dialog teks yang terkandung dalam naskah drama *The Important of Being Earnest*. Menurut Jehan Rizki Rakhmadani (2013), sebuah tindak tutur yang terkandung dalam naskah tersebut belum tentu mempunyai fungsi dan kaedah yang betul menurut aturan berbahasa kerana

wujudnya pengaruh konteks situasi di dalamnya. Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mendeskripsikan beberapa makna ujaran yang terjadi dalam tindak tutur dalam dialog teks tersebut dan membincangkan factor-faktor yang mempengaruhinya. Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah teori konteks situasi oleh J.R Firth (1930). Hasil kajian menunjukkan bahawa tindak tutur yang diujarkan oleh para tokoh dalam drama tersebut mempunyai makna ujaran yang berbeza atau dengan kata lain adalah menyimpang dari kaedah-kaedah berbahasa yang benar. Oleh itu, jelas bahawa sesuatu ujaran tersebut perlulah dikaitkan dengan konteks situasinya yang sebenar.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan membincangkan kata adjektif dalam ujaran masyarakat Banjar. Kata adjektif yang terkandung dalam perbualan Banjar tersebut akan diterangkan dari sudut makna dengan menggunakan teori analisis komponen makna oleh Nida (1975). Setiap kata adjektif mempunyai makna tertentu dan kajian ini melihat penggunaan kata adjektif bahasa Banjar dari aspek makna berdasarkan ujaran sebenar.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini memperoleh data iaitu kata adjektif melalui proses temu bual, rakaman dan pemerhatian yang dilakukan kepada subjek. Subjek bagi kajian ini adalah masyarakat Banjar yang terdiri daripada dua buah keluarga yang menetap di Klang, Selangor iaitu seramai enam orang. Kajian ini telah dibataskan kepada satu jenis kata adjektif sahaja iaitu kata adjektif sifat atau keadaan. Kajian ini dilakukan dengan menemu bual subjek mengenai kata adjektif ini dalam bahasa banjar dan penggunaan kata adjektif ini dalam ujaran bagi melakukan aktiviti harian. Pemilihan kata adjektif adalah secara rawak berdasarkan contoh ujaran atau perbualan yang subjek hasilkan semasa sesi pengumpulan data tersebut. Setelah kata adjektif dalam ujaran masyarakat Banjar telah diperolehi, data tersebut telah dianalisis dengan menggunakan teori analisis komponen makna (Nida,1975).

## **TEORI KAJIAN**

Teori analisis komponen makna merupakan teori semantik yang dipelopori oleh Nida (1975). Berdasarkan teori analisis komponen, makna bagi sesuatu perkataan dianalisis sebagai suatu hubungan komponen-komponen yang kompleks. Komponen itu dinamakan sebagai komponen semantik yang terdiri daripada kosa kata atau perbendaharaan kata sesuatu bahasa yang diikat secara logik dan tetap (*logical constant*). Teori ini cuba menghuraikan makna sesuatu perkataan secara terperinci dan memasukkan sama unsur-unsur pertentangan. Dalam menganalisis makna sesuatu kata (Nida,1975) mengusulkan model analisis komponen yang

menganalisis makna rujukan kata dengan pemberian fitur secara nilai binary, iaitu tanda + yang merujuk fitur yang dimiliki dan – yang merujuk pada fitur tidak dimiliki oleh sesuatu kosa kata tersebut. Dalam membincangkan analisis komponen ini, rujukan makna perlu dikenal pasti dengan pemberian fitur yang perlu dan signifikan bagi membezakan antara makna sesuatu kata dengan makna sesuatu kata yang lain. Pemberian fitur ini akan menentukan makna kata yang berada dalam medan makna yang sama. Analisis komponen makna merupakan kajian yang mengkaji bentuk serta fungsi rujukan dan paparan struktur makna kata dalam bahasa.


## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Kata adjektif sifat atau keadaan

Kata adjektif jenis ini terdiri daripada perkataan yang memberi pengertian sifat atau keadaan sebagai unsur keterangan nama. Jadual 1 berikut merupakan kata adjektif sifat atau keadaan yang telah diperolehi berdasarkan data ujaran masyarakat Banjar.

Kata Adjektif Bahasa Banjar	Makna dalam Bahasa Melayu	Ujaran Bahasa Banjar dan Bahasa Melayu
<b>Lawas</b>	Lama	“ <i>lawas ikam menukar baras</i> ” “lama kau membeli beras”
<b>Kulir</b>	Malas	“ <i>kulir akuk handak umpat</i> ” “malas aku hendak ikut”
<b>Supan</b>	Malu	“ <i>Jemput makan jangan supan</i> ” “Jemput makan jangan malu”
<b>Lamak</b>	Gemuk	“ <i>Anak akuk lamak awaknya</i> ” “Anak aku gemuk badannya”

Jadual 1: Penggunaan kata adjektif sifat atau keadaan dalam ujaran



Rajah 1: Analisis Komponen makna bagi kata adjektif lawas (lama)

Analisis komponen makna yang terdapat dalam Rajah 1 memperlihatkan bahawa kata adjektif bahasa Banjar **lawas** mempunyai fitur yang menunjukkan makna kepada tempoh yang lama (+ panjang waktunya), tidak sekejap (- sekejap) dan bukan sesuatu yang baharu (- baharu). Manakala makna kata adjektif **lawas** dalam ujaran tersebut iaitu “*lawas ikam menukar baras*” (lama kau membeli beras) tersebut merujuk kepada makna panjang waktunya dan tidak sekejap yang

menunjukkan tempoh masa yang lama diambil untuk membeli beras. Fitur bagi kata adjektif **lawas** (- baharu) iaitu yang membawa makna bukan sesuatu yang baharu tidak menggambarkan ujaran yang dihasilkan kerana ujaran yang dihasilkan merujuk kepada tempoh masa yang sahaja iaitu (+ panjang waktunya dan – sekejap). Selain itu, istilah **lawas** dalam bahasa Melayu merujuk makna yang walaupun sama ejaan dan sebutan dengan bahasa Banjar iaitu hubungan makna yang tergolong dalam homonim. Homonim adalah kata-kata yang sama ejaan dan bunyi tetapi berbeza makna seperti kata **lawas** ini dalam bahasa Banjar dan bahasa Melayu. Dalam bahasa Melayu, **lawas** bermakna lancar membuang air besar atau kecil dan membawa makna luas. Namun dalam bahasa Banjar, istilah **lawas** ini tergolong dalam kata adjektif sifat atau keadaan yang mengandungi makna lama. Penggunaan kata adjektif **lawas** ini dalam bahasa Banjar mempunyai dua situasi iaitu yang berkaitan dengan masa yang lama dan juga sesuatu benda yang telah lama contohnya “gerubok lawas” (almari lama). Berdasarkan ujaran yang dihasilkan dalam Jadual 1, penggunaan kata **lawas** membawa makna tempoh masa yang lama.

Kulir (malas)  $\left( \begin{array}{l} - \text{ mahu berbuat apa-apa} \\ - \text{ sudi} \\ - \text{ suka} \end{array} \right)$


Rajah 2: Analisis komponen makna bagi kata adjektif kulir (malas)

Analisis komponen makna yang terdapat dalam Rajah 2 memperlihatkan bahawa kata adjektif bahasa Banjar iaitu **kulir** mempunyai fitur - yang menunjukkan makna kepada sifat seseorang yang tidak ingin melakukan apa-apa (- mahu berbuat apa-apa) tidak sudi (- sudi) dan tidak suka (-suka). Berdasarkan ujaran yang dihasilkan iaitu “*kulir akuk handak umpat*”(malas aku hendak ikut) membawa makna subjek yang tidak sudi untuk mengikut serta pergi ke sesuatu tempat. Bagi fitur (- mahu berbuat apa-apa dan - suka) tidak menggambarkan makna kata penggunaan kata adjektif dalam ayat tersebut. Subjek hanya **kulir** yang merujuk kepada tidak sudi tetapi tidak bermakna subjek tidak mahu berbuat apa-apa dan tidak juga bermaksud subjek tidak suka pergi ke tempat tersebut. Oleh itu, makna penggunaan kata adjektif **kulir** dalam ujaran tersebut merujuk fitur makna (- sudi) iaitu tidak sudi untuk pergi ke tempat tersebut.

Supan (malu)  $\left( \begin{array}{l} + \text{ berasa aib} \\ + \text{ segan} \\ + \text{ takut} \end{array} \right)$

Rajah 3: Analisis komponen makna bagi kata adjektif supan

Analisis komponen makna yang terdapat dalam Rajah 3 memperlihatkan bahawa kata adjektif bahasa Banjar iaitu **supan** (malu) mempunyai fitur (+ berasa aib, + segan, + takut). Berdasarkan ujaran yang dihasilkan iaitu, “*Jemput makan jangan supan*” (Jemput makan jangan malu) merujuk kepada fitur (+ segan) iaitu janggan berasa segan. Makna penggunaan kata adjektif **supan** dalam ujaran tersebut tidak merujuk kepada fitur (+ berasa aib dan + takut). Hal ini kerana apa yang diujarkan itu tidak membawa makna sesuatu yang negatif yang boleh mendatangkan aib dan juga takut. Makna yang lebih tepat dalam ujaran tersebut adalah segan. Kebanyakan orang segan apabila disuruh makan atau menambah nasi dan jarang sekali seseorang itu berasa aib dan takut. Oleh itu, fitur makna bagi kata adjektif **supan** dalam ujaran tersebut merujuk kepada fitur makna (+ segan).



Rajah 4: Analisis komponen makna bagi kata adjektif lamak (gemuk)

Analisis komponen makna yang dilakukan memperlihatkan bahawa kata adjektif bahasa Banjar iaitu **lamak** (gemuk) mempunyai fitur (+ badan besar, + subur dan - kurus) iaitu merujuk makna bentuk fizikal badan yang besar, tanaman yang subur dan tidak kurus. Berdasarkan ujaran yang dihasilkan iaitu, “*Anak akuk lamak awaknya*” (Anak aku gemuk badannya), kata **lamak** merujuk fitur (+ badan besar dan - kurus) iaitu sifat badannya yang besar dan tidak kurus. Manakala bagi fitur (+ subur) tidak menggambarkan makna penggunaan kata **lamak** tersebut kerana makna ujaran merujuk kepada manusia atau orang dan bukannya tanaman yang membawa makna fitur (+subur). Oleh itu, makna kata adjektif **lamak** dalam ujaran tersebut adalah berbadan besar dan tidak kurus yang merujuk kepada sifat fizikal seseorang.

Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa kajian ini dapat menjelaskan makna kata adjektif bahasa Banjar dalam konteks penggunaan situasi sebenar dalam kehidupan seharian dengan merujuk kepada perbualan masyarakat Banjar tersebut. Sesuatu makna atau penggunaan kata itu termasuklah kata adjektif akan lebih mudah difahami jika melihat penggunaannya dalam konteks. Hal ini turut dipersetujui oleh kajian Wong Shia Ho (2014) bahawa makna sesuatu kata itu mempunyai makna literal dan konteks, maka penggunaan dalam konteks contohnya ujaran memainkan peranan penting dalam rujukan makna. Selain itu, makna penggunaan sesuatu kata itu juga lebih mudah difahami jika disertakan dengan contoh dalam penggunaan ayat atau ujaran oleh penutur bahasa itu sendiri (Norliza Hj. Jamaluddin: 2011). Bagi melihat makna kata adjektif bahasa Banjar, ujaran yang dihasilkan oleh masyarakat Banjar itu sendiri dibicarakan bagi mengetahui penggunaan sebenar kata adjektif tersebut. Hal ini turut disokong oleh



Goh Sang Seong (2011) dalam kajiannya berkaitan penterjemahan kata kerja Bahasa Cina-Bahasa Melayu yang dianalisis dari aspek ketepatan makna padanan. Menurut Goh Sang Seong (2011), faktor bahasa sasaran dan makna konteks memainkan peranan yang penting dalam penterjemahan semantik sesuatu kata. Selain itu, teori analisis komponen mampu menerangkan makna yang jelas dengan menggunakan fitur [+] dan [-] bagi kata yang hampir atau sama makna dengan sesuatu kata yang dikaji (Nida, 1975).

## **KESIMPULAN**

Makna kata adjektif yang dianalisis menggunakan teori analisis komponen makna dapat memberi makna yang jelas bagi sesuatu kata itu. Tanda fitur yang digunakan dapat mengkategorikan makna kata dengan perkataan yang bersinonim atau sama erti. Penggunaan istilah kata adjektif dalam bahasa Banjar adalah berbeza dengan bahasa Melayu walaupun mempunyai fungsi yang sama tetapi berbeza dari segi istilah dan makna. Makna sesuatu kata adjektif lebih mudah difahami apabila dikaji dalam bentuk ujaran yang dihasilkan dalam kehidupan seharian. Kajian mengenai kata adjektif bahasa Banjar ini dapat memberi manfaat dan rujukan dalam memahami penggunaan kata adjektif sifat atau keadaan dengan merujuk ujaran yang dihasilkan oleh penutur bahasa Banjar. Selanjutnya, kajian mengenai kata adjektif bahasa Banjar juga boleh dikaji dengan melihat jenis kata adjektif yang lain seperti kata adjektif ukuran, warna dan seumpamanya. Selain itu, kajian lanjutan berkaitan bahasa Banjar ini juga boleh dilihat dari pelbagai aspek contohnya penggunaan kata ganti nama dalam bahasa Banjar.

## **RUJUKAN**

- Gong Sang Seong. (2011). *Penterjemahan Kata Kerja Bahasa Cina-Bahasa Melayu: Satu Analisis Ketepatan Makna Pandanan*, GEMA Online Journal of Language Studies Volume 11(1) 2011
- Indirawati Zahid & Fatmawati Zahid. (2011). *Analisis Komponen Makna Kata Kerja Dalam Slogan Iklan Produk Kecantikan Muka*. Jurnal Bahasa
- Jehan Rizki Rakhmadani. (2013). *Analisis Makna Ujaran Sebuah Wacana Pada Dialog Teks Dalam Naskah Drama "The Importance Of Being Earnest"*. Jurnal Linguistika\Akademia Vol.2, No2,2013, pp.156-168
- Kamus Dewan. (2014). Edisi Keempat. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

- Maslida Yusof, Rahim Aman, Karim Harun, Shahidi Hamid & Sa'adiyah Ma'alip. (2010). *Perkaitan Semantik Kata Kerja Bahasa Banjar Kuala: Satu Analisis Varian, Kuin, Banjarmasin*. Jurnal Melayu (5)
- Nida, E.A. (1975). *Componential Analisis of Meaning*. Paris: Publishers The Hague
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2011). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1992). *Semantik dan Pragmatik : Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia
- Nor Hashimah Jalaluddin, Anida Sarudin & Zaharani Ahmad. (2012). *Peluasan Makna Alim: Analisis Semantik Kognitif*. GEMA Online Journal of Language Studies
- Norliza Hj. Jamaluddin. (2011). *Kata Adverba Atau Kata Sifat?* Jurnal Bahasa
- Normaliza Abd Rahim. (2013). *Adjectives Identification in Television Advertisements*. TOJET: The Turkish Online Journal of Educational Technology, July 2013,12(3),15-2020
- Normaliza Abd Rahim. (2014). *Wacana Bahasa*. Universiti Malaysia Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu
- Wong Shia Ho. (2014). *Penggunaan Simbol Dalam Teks Ucapan Tunku Abdul Rahman: Analisis Teori Relevans*. Jurnal Bahasa Jilid 14 Bil.1 2014